

24/10/2003

Malaysia sedia bantu bina semula Timor Leste

Mustapa Omar

DILI: Malaysia komited untuk bekerjasama dan berganding bahu dengan Timor

Leste dalam proses pembinaan semula negara itu, termasuk pembangunan ekonominya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun percaya kepada kemampuan sesebuah negara untuk bergantung kepada diri sendiri, Malaysia juga memahami proses itu akan dapat dipermudah dengan sokongan daripada negara yang mempunyai pengalaman sama.

"Timor Leste boleh mengharap kepada kerajaan Malaysia dan sektor swastanya dalam usaha berterusan membangunkan negara mereka bagi membolehkannya turut menyertai dan mendapat faedah daripada perkembangan ekonomi dunia.

"Ketika kerajaan menjalankan perannya dalam bekerjasama dengan republik berkenaan, pihak swasta juga digalakkan untuk melabur di sini," katanya pada majlis Dialog Perniagaan Timor Leste-Malaysia di Hotel Timur di sini semalam.

Tahun lalu, Malaysia tercatat sebagai pelabur kedua terbesar di negara berkenaan dengan lebih 90 syarikat Malaysia sudah melabur di sini, termasuk dalam bidang perhotelan dan restoran, khidmat runding cara, perakaunan, teknologi maklumat, pengangkutan, perkapalan, perdagangan dan tenaga.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di sini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Timor Leste, lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan selepas republik itu mencapai kemerdekaan daripada Indonesia, Mei tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, sejak merdeka satu setengah tahun lalu, Timor Leste telah mencapai kemajuan pesat dalam perancangan, pembangunan keupayaan dan menetapkan institusi serta rangka yang diperlukan untuk pembangunan negara.

"Peta Pandu Arah kerajaan yang mengandungi keutamaan undang-undang dan peraturan keadilan, legitimitasi pihak berkuasa, mewujudkan peluang pekerjaan dan usaha mengurangkan kemiskinan adalah petunjuk jelas komitmen kerajaannya terhadap masalah rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembangunan sumber manusia adalah satu aspek sangat penting dalam membina negara dan Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalamannya dengan Timor Leste dalam bidang yang mana ia mempunyai kepakaran.

Pada masa ini, katanya, ada 124 pegawai dari republik itu yang menyertai

latihan dalam bidang pentadbiran, pelaburan dan diplomasi di Institut Tadbiran Awam Malaysia (Intan) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL).

Selain itu, Malaysia juga sudah melatih 29 pemuda Timor Leste dalam pelbagai bidang termasuk teknologi pembinaan, fabrik, percetakan, automotif, pembuatan perabot dan perkhidmatan elektrik.

Timor Leste mencapai kemerdekaan daripada Indonesia pada 20 Mei tahun lalu. Sebelum ini ia dikenali sebagai Timor Timur, tetapi apabila negara itu menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2002, ia memutuskan untuk menggunakan nama Portugisnya, Timor Leste.

Sebelum itu pada sebelah pagi, Perdana Menteri menghadiri majlis sambutan rasmi oleh rakan sejawatnya, Dr Mari Alkatiri di Istana Kerajaan, sebelum menyampaikan ucapan di Parlimen negara itu yang mempunyai 88 ahli.

Dr Mahathir kemudiannya mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Xanana Gusmao selepas melakukan pecah tanah kompleks Kedutaan Malaysia di kawasan seluas 12,000 meter persegi di Jalan Pantai Kelapa.

Perdana Menteri turut mengetuai mesyuarat dua hala antara kedua-dua negara dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan, selain perjanjian mengenai galakan pelaburan yang ditandatangani Syed Hamid dan rakan sejawatnya, Dr Jose Ramos Horta.

Beliau turut menyerahkan 32 trak untuk kemudahan tentera Timor Leste sumbangan Kerajaan Malaysia dan melancarkan laman web Forum Remaja Antarabangsa Dili dan Timor Leste K-Dot Force.

Lawatan Dr Mahathir ini adalah sebagai membalas kunjungan Alkatiri ke Malaysia pada Ogos lalu, bagi memperkukuhkan hubungan mesra dan akrab bersama negara itu yang berusaha mencapai pembangunan ekonomi, sosial dan kestabilan politik.

Sementara itu semasa berucap pada majlis makan malam meraikan lawatannya oleh

Alkatiri, beliau menekankan pentingnya pelaburan asing yang memainkan peranan utama untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Dr Mahathir turut mencadangkan Malaysia sebagai tuan rumah pertama mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Timor Leste pada tarikh yang akan ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak kelak.